



UNIT MEDIA RELA
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
ARAS 7, 8 & 9, BLOK D9, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 PUTRAJAYA
TEL : 03-88703770 FAKS : 03-88905532

SIARAN MEDIA

83 PEGAWAI DAN KAKITANGAN RELA MALAYSIA TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2017

PUTRAJAYA, 23 MAC 2018 – Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2017 Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Alwi Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Dewan Gemilang KDN Putrajaya hari ini. Turut hadir sama adalah YBhg. Tuan Zulkifli Abidin, Ketua Pengarah RELA Malaysia.

Seramai **83 orang (57 lelaki, 26 wanita)** penjawat awam RELA Malaysia telah menerima anugerah tersebut. Semua penerima APC ini telah melalui proses akhir penilaian oleh panel pembangunan sumber manusia yang diketuai oleh Ketua Bahagian masing-masing. Penghargaan ini adalah merupakan insentif yang diberikan oleh RELA Malaysia kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2017 serta sumbangan tenaga, masa dan komitmen ke atas kerja-kerja yang diamanahkan.

YBhg. Dato' Sri Alwi Hj Ibrahim menyatakan rasa bangga beliau terhadap kakitangan dan pegawai-pegawai RELA yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dan berharap penganugerahan ini akan dapat menjadi pembakar semangat dan aspirasi kepada warga RELA yang lain untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik pada tahun ini dan tahun yang mendatang.

“Budaya kerja cemerlang atau *excellent work culture* adalah satu keadaan yang telah dijadikan budaya dalam perkhidmatan awam sejak sekian lama. Bukan sahaja pembudayaan ini berlaku di Malaysia, malah budaya ini juga telah lama dipraktikkan di seluruh dunia,” kata beliau.

Tambah beliau, usaha yang berterusan harus dilakukan tidak kira di peringkat mana sekalipun sehingga dapat melahirkan budaya kerja yang cemerlang dalam kalangan pegawai dan kakitangan. Usaha yang perlu dibuat bukan hanya di peringkat Jabatan sahaja, malahan usaha ini harus bermula di peringkat individu seseorang penjawat awam itu.

“Ini adalah kerana, sesuatu budaya itu tidak akan terhasil dengan sekelop mata sahaja. Sebaliknya, ia menjadi sesuatu budaya apabila ia dilakukan secara berulang kali dan diamalkan oleh semua individu sehingga melahirkan satu *trend* di dalam sesebuah organisasi. Oleh hal yang demikian, proses awal untuk melahirkan sesuatu budaya kerja yang bagus adalah dengan membentuk sikap pekerja terhadap kerja (*work attitude*)”.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah wakil-wakil pengurusan tertinggi KDN, pegawai-pegawai kanan serta warga RELA Malaysia.

#####

Disediakan oleh : Unit Media RELA, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
No. telefon : 019-3553096
Tarikh dikeluarkan : 23 Mac 2018